

TERMA RUJUKAN

PROGRAM PEMBIAYAAN KETAHANAN ORGANISASI SENI CENDANA

TEMPOH PERMOHONAN

Permohonan Dibuka	Tarikh Akhir Permohonan	Semakan Dan Penilaian	Pemohon Dimaklumkan	Program Bermula Pada
1 Mac 2021	31 Mac 2021	1 – 30 April 2021	12 Mei 2021	Julai 2021 dan seterusnya

Apakah Program Pembiayaan Ketahanan Organisasi Seni CENDANA?

Program Pembiayaan Ketahanan Organisasi Seni CENDANA bertujuan untuk membangunkan dan menyokong kelestarian organisasi seni profesional yang:

- Membentuk kepelbagaian identiti, nilai dan aspirasi seni and budaya Malaysia;
- Menghasilkan karya seni dan program berkualiti yang dapat dihargai oleh penonton Malaysia dan antarabangsa;
- Memperkayakan kehidupan penonton dan segmen masyarakat Malaysia yang berbeza melalui program jangkauan seni dan budaya;
- Menyumbang kepada pembangunan dan perkembangan landskap seni budaya, amalan seni, kepakaran profesional dan bakat artis Malaysia; dan
- Mencapai pengurusan sumber yang baik dan kelestarian kewangan yang lebih baik.

Program ini menyediakan pembiayaan **sehingga RM150,000 bagi setiap permohonan** untuk **menyokong aspek operasi dan penganjuran program** untuk organisasi-organisasi seni **dari bulan Julai 2021 hingga Jun 2022**.

Apakah objektif Program Pembiayaan Ketahanan Organisasi Seni CENDANA?

Program Pembiayaan Ketahanan Organisasi Seni CENDANA memberikan sokongan kepada organisasi seni di Malaysia untuk penganjuran program-program seni ataupun memberikan perkhidmatan kepakaran sektor seni, membolehkan perancangan yang lebih baik untuk organisasi, dan meningkatkan kemampuan organisasi untuk mendapatkan manfaat daripada kolaborasi dan sokongan yang lain.

Program Pembiayaan Ketahanan Organisasi Seni CENDANA akan menyokong perbelanjaan dalam **dua komponen** – perbelanjaan bagi **operasi dasar** dan **program** yang menyokong perancangan untuk jangka masa yang lebih panjang dan memperkasakan pembangunan organisasi seperti yang dinyatakan di bawah:

Bahagian A – Merangkumi perbelanjaan operasi dasar yang boleh meliputi:	
Kelestarian	Untuk membina daya tahan dan meningkatkan kelestarian operasi selama dua belas (12) bulan.
Pengurusan	Untuk mentadbir, mengurus dan mempromosikan projek, perkhidmatan dan program seni awam dan / atau masyarakat yang boleh merangkumi persembahan, pameran, penerbitan, program jangkauan / pendidikan, latihan dan perkhidmatan kepakaran seni yang relevan kepada industri.



TERMA RUJUKAN

Bahagian B – Merangkumi perbelanjaan program yang boleh meliputi:	
Penciptaan	Untuk mencipta, mengembangkan dan menyampaikan karya seni serta pengaturcaraan program yang inovatif.
Penyelidikan	Untuk melakukan penyelidikan, dokumentasi, pengarkiban atau kerja pembangunan amalan seni dan lain-lain aspek terhadap fokus kajian yang akan menyumbang kepada pengembangan industri seni.
Akses	Untuk menyokong inisiatif dan program yang mendorong penyertaan orang ramai, meningkatkan kebolehlihatan dan peningkatan khalayak yang lebih besar untuk mengalami seni.
Kapasiti	Untuk menyokong program dan latihan yang berfokus kepada pengembangan kapasiti untuk staf, pengamal, seniman dan pekerja budaya yang baharu, mewujudkan peluang-peluang di dalam sektor ini dan mewujudkan jaringan yang lebih luas di dalam negara, di peringkat serantau atau antarabangsa.

Nisbah di antara perbelanjaan kos operasi dasar dan kos penganjuran program mengikut sifat perniagaan, jenis fokus organisasi dan profil syarikat pemohon akan dikaji mengikut maklumat bagi setiap permohonan dan akan diambil kira dalam proses penilaian.

Siapakah yang layak memohon untuk Program Pembiayaan Ketahanan Organisasi Seni CENDANA?

Organisasi seni yang berdaftar di bawah undang-undang Malaysia dimana urusniaga utamanya memberi tumpuan kepada amalan seni, penganjuran program dan perkhidmatan perantaraan untuk sektor seni persembahan, seni visual, muzik independen dan kraf (seperti yang disenaraikan dalam jadual di bawah) digalakkan untuk memohon untuk program ini.

Organisasi seni yang berdaftar di bawah undang-undang Malaysia:

- Pendaftar Perniagaan (ROB) melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) *cth. Enterprise atau Perkongsian*
- Pendaftar Syarikat (ROC) *cth. Sdn. Bhd. atau*
- Pendaftar Pertubuhan (ROS) *cth. Persatuan*

Definisi organisasi seni yang bertumpu kepada aspek kerja sebagai Pengkarya Seni, Merapatkan Jurang Seni dan Perantara Seni seperti yang disenaraikan di bawah:

Pengkarya Seni	Merapatkan Jurang Seni	Perantara Seni
a) Mencipta karya-karya asal yang menambah kepada landskap seni dan budaya Malaysia dan yang boleh mendapat pengiktirafan di dalam dan luar negara; DAN / ATAU	a) Menganjurkan program seni yang khusus untuk demografik tertentu (cth. belia, kanak-kanak, warga emas) atau segmen yang kurang mendapat perhatian (cth. orang kurang upaya, belia yang berisiko, komuniti berpendapatan rendah);	a) Menyokong pembangunan pengamal / artis dan/atau sektor dengan inisiatif seperti: - menyokong advokasi sektor seni; - menyediakan perkhidmatan pengurusan dan pentadbiran sektor seni;



TERMA RUJUKAN

<p>b) Membentangkan/ mempersembahkan adaptasi karya seni berkualiti tinggi yang mana menjadi kebanggaan rakyat Malaysia.</p> <p>Organisasi-organisasi ini mencipta ataupun membentangkan karya yang mencerminkan identiti kepelbagaian etnik di Malaysia.</p>	<p>DAN</p> <p>b) Membuka/meningkatkan akses terhadap seni kepada semua, mengembangkan khalayak baharu terhadap sektor seni, membina dan meningkatkan penghayatan terhadap seni.</p>	<p>- menyediakan peluang untuk pembangunan kemahiran (cth. <i>program residensi, mentor</i>); terlibat dalam aspek penyelidikan dan dokumentasi;</p> <p>DAN</p> <p>- membina rangkaian industri seni domestik dan antarabangsa, di antara lain-lain perkhidmatan.</p>
---	--	--

Bagi tujuan permohonan, pilih salah **satu** definisi di atas yang paling sesuai dengan fokus utama pekerjaan anda. Ini akan menentukan kriteria penilaian yang akan digunakan untuk permohonan anda. Sekiranya berjaya diterima dalam **Program Pembiayaan Ketahanan Organisasi Seni CENDANA**, kategori yang dipilih juga akan menentukan jenis petunjuk prestasi utama yang perlu anda penuhi.

Berikut adalah beberapa contoh organisasi seni yang boleh menerima manfaat daripada program ini yang berkaitan dengan kategori kerja **Pengkarya Seni, Merapatkan Jurang Seni dan Perantara Seni** di atas. Senarai berikut adalah tidak terhad:

Jenis Organisasi			
Seni Persembahan	Seni Visual	Muzik Independen	Kraf
<ul style="list-style-type: none"> • Ruang persembahan independen; • Pertubuhan teater/ seni persembahan; • Organisasi artistik (cth. tarian, teater, seni persembahan pelbagai disiplin dll.); • Perkhidmatan kepada bidang seni persembahan pentas/ teater/ produksi (cth. perkhidmatan teknikal, pementasan teater, pertubuhan perantara seni, organisasi perkhidmatan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Ruang seni independen, alternatif dan eksperimen; • Ruang yang dikendalikan oleh seniman/kolektif seniman visual; • Perkhidmatan kepada sektor seni visual (pemuliharaan, pemasangan karya seni, kerja perantaraan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Studio rakaman independen; • Perkhidmatan menyediakan bekalan peralatan bunyi dan muzik (dengan fokus kepada acara berskala kecil) 	<ul style="list-style-type: none"> • Artisan, pembuat kraf, pengeluar; kolektif dan organisasi • Perkhidmatan kepada sektor (cth: pemeliharaan warisan, inovasi dsb.)

TERMA RUJUKAN

pentadbiran sektor seni dll.)			
<ul style="list-style-type: none"> Organisasi yang bertumpu kepada kurasi dan penganjuran program seni melalui acara festival/ platform dan banyak lagi. 			

Apakah yang harus dipertimbangkan semasa membuat permohonan untuk Program Pembiayaan Organisasi Seni CENDANA?

- Organisasi seni berdaftar yang mempunyai sejarah **minimum tiga (3) tahun** dan mempunyai portfolio kerja dan penglibatan yang aktif dalam sektor seni dan budaya di Malaysia;
- Mempunyai sejarah/rekod penganjuran program yang lepas dan/atau pemberian perkhidmatan kepada sektor seni;
- Mesti mengemukakan laporan akaun yang telah diaudit oleh juruaudit untuk dua (2) tahun terakhir dan laporan akaun pengurusan untuk tahun semasa (*Management Accounts*) cth. lembaran imbalan, penyata untung rugi dan sebagainya;
- Mempunyai **struktur organisasi** untuk menyokong aktiviti berterusan, dengan sekurang-kurangnya seorang kakitangan kontrak tetap atau kontrak jangka panjang;
- Organisasi seni yang menunjukkan pentadbiran yang baik dan berkesan serta berpotensi untuk menjana aliran pendapatan yang lain.

Pemohon utama daripada organisasi seni mestilah bertanggungjawab sepenuhnya dalam urusan pentadbiran serta terlibat secara aktif dalam proses permohonan, pemantauan dan penilaian secara menyeluruh untuk program tersebut.

Penerima Program Pembiayaan Organisasi Seni sedia ada mungkin dapat mengajukan permohonan semula pada akhir setiap kitaran pendanaan, bergantung kepada dana yang tersedia dan rekod prestasi yang memuaskan.

Projek-projek yang dicadangkan oleh entiti yang menjana keuntungan mestilah mempunyai manfaat penting untuk pembangunan artis Malaysia, membawa seni berkualiti tinggi kepada khalayak ramai dan mencapai kemamparan kewangan. Pihak CENDANA akan memberi keutamaan pembiayaan kepada organisasi yang fokus perniagaan utamanya adalah dalam seni.

Siapakah yang tidak layak memohon Program Pembiayaan Ketahanan Organisasi Seni CENDANA?

CENDANA tidak akan dapat menyokong permohonan anda jika anda:

- i) Adalah organisasi yang:
 - aktiviti dan perkhidmatan utama organisasi tidak tertumpu pada sektor mandat CENDANA iaitu dalam sektor seni persembahan, seni visual, muzik independen dan kraf;
 - tidak memenuhi kriteria kelayakan seperti yang ditetapkan;
 - diwujudkan untuk tujuan bukan sekular;
 - telah diisytiharkan muflis/ bankrap atau sedang menghadapi prosiding kebangkrapan;
 - sedang menghadapi tindakan, tuntutan, proses atau penyiasatan terhadap pemohon;



TERMA RUJUKAN

- sedang didakwa dan/ atau disabitkan dalam proses jenayah atau dinamakan sebagai tertuduh dalam proses kes mahkamah yang belum selesai;
 - (jika berkaitan) tidak mempunyai lesen perniagaan yang diperlukan untuk beroperasi;
 - kini menerima penajaan di bawah program pembiayaan yang lain di bawah CENDANA atau dari syarikat induknya MyCreative Ventures Sdn Bhd;
 - mempunyai laporan penilaian tertunda atau laporan yang belum diserahkan mengenai penggunaan program pembiayaan sebelumnya dari CENDANA atau syarikat induknya MyCreative Ventures Sdn Bhd;
 - berhutang dengan CENDANA;
 - jika terdapat sebarang penemuan negatif terhadap organisasi semasa proses semakan dan penilaian;
 - telah dibiayai oleh CENDANA dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.
- ii) Adalah mencadangkan beberapa usaha/ program yang:
- telah pun dimulakan sebelum masa permohonan atau sebelum proses penilaian permohonan CENDANA selesai;
 - aktiviti dan perkhidmatan utama yang tidak termasuk di bawah jenis bentuk seni/ sektor mandat CENDANA;
 - iaitu dalam sektor seni persembahan, seni visual, muzik independen dan kraf;
 - program yang tidak mempunyai komponen seni yang jelas, termasuk projek yang terutamanya untuk mempromosikan hal ehwal agama;
 - program yang diadakan di tempat keagamaan;
 - program yang tidak memberi manfaat kepada seniman atau pekerja seni budaya;
 - program yang bertujuan khusus untuk akademik atau untuk dibentangkan di bawah naungan sebuah sekolah atau institusi pengajian tinggi dan merupakan sebahagian daripada kurikulumnya;
 - program yang bertujuan untuk menghasilkan keuntungan yang akan diedarkan kepada pemilik syarikat/ pemegang saham;
 - program yang tidak bertujuan untuk kegunaan awam;
 - program yang bertujuan untuk mengutip derma;
 - (jika berkaitan) tidak memperoleh lesen yang berkaitan (cth. kelulusan majlis tempatan atau kelulusan PUSPAL).

Apakah perbelanjaan yang layak untuk Program Pembiayaan Ketahanan Organisasi Seni CENDANA?

Program Pembiayaan Organisasi Seni CENDANA merangkumi pelbagai aktiviti dan perbelanjaan¹ yang boleh termasuk:

Perbelanjaan Yang Layak	Perbelanjaan Tidak Layak
Bahagian A – Perbelanjaan Operasi Dasar	

¹ Senarai ini mungkin tidak lengkap. Sila hubungi CENDANA sekiranya anda memerlukan penjelasan.



TERMA RUJUKAN

<ul style="list-style-type: none">• Penyewaan tempat untuk keperluan pentadbiran dan program selama 12 bulan (akan memerlukan salinan perjanjian penyewaan)• Gaji kakitangan/ pengambilan pekerja selama 12 bulan (sepenuh masa/ kontrak)• Utiliti/ bil (seperti air, elektrik, telefon, internet, web hosting dll.)• Latihan/ pengembangan profesional (kos untuk mengatur atau mengambil bahagian)• Perkhidmatan untuk menyokong operasi (seperti perakaunan/ pengauditan, pelaporan kewangan, perkhidmatan setiausaha syarikat, pemasaran, pengembangan atau peningkatan platform atas talian² dll.)• Kos operasi lain (seperti bil, bayaran untuk perundingan/ khidmat nasihat pakar, perkhidmatan dan penyelenggaraan dll.) <p>Nota: Bayaran mestiah relevan dan berdasarkan purata kadar pasaran, serta disokong dengan penyerahan carta organisasi dan profil peranan kerja kakitangan organisasi.</p> <p>Sila ambil maklum bahawa Pendanaan ini adalah sokongan separa kepada organisasi dan tidak menjadi satu-satunya sumber pendapatan sepanjang tempoh pendanaan.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Pembelian kelengkapan/ naik taraf peranti (seperti laptop, tablet, pencetak, perabot dsb.)• Perbelanjaan modal (seperti renovasi/ kos pengubahsuaian dan pembaikan bangunan, pejabat, studio dll.)• Lesen perniagaan, permit, visa bekerja
Bahagian B – Perbelanjaan Program	
Yuran Profesional	
<ul style="list-style-type: none">• Bayaran/ kolaborator profesional (iaitu produser, pengurus projek, koreografer, pengarah, artis, komposer, pengurus pentas, penulis lirik, penulis skrip, dramaturg, adiguru tradisional, komuniti orang asli, penceramah/ instruktur/ penganjur dll.)	<ul style="list-style-type: none">• Pembelian kelengkapan/ naik taraf peranti (seperti laptop, tablet, pencetak, perabot dsb.)• Kos katering (perbelanjaan makanan dan minuman)• Lesen perniagaan/ penganjuran acara (<i>events</i>), permit, visa

² Peningkatan pakej premium untuk jangkauan umum yang lebih luas di platform maya cth: Zoom, GoToMeeting dll.

TERMA RUJUKAN

<ul style="list-style-type: none"> • Kos untuk penterjemah / transkripsi (Bahasa: Inggeris, Bahasa Malaysia, Cina dan Tamil sahaja) • Bayaran untuk videografi/ fotografi • Kos untuk membolehkan karya anda dipersembahkan di platform digital (iaitu pereka web, penyuntingan video, penyalin, ilustrator dll.) <p>Nota: Bayaran mesti relevan dan berdasarkan purata kadar pasaran. Permintaan kadar profesional perlu disokong oleh pengalaman dan latar belakang industri mereka. Semua bayaran yang diminta akan memerlukan penyampaian profil dan kerja sokongan yang relevan.</p>	
Sokongan Teknikal dan Produksi	
<ul style="list-style-type: none"> • Kos yang diperlukan untuk produksi/ persembahan (seperti penyewaan sistem bunyi dan kelengkapan audio/ peralatan teknikal, petugas teknikal/ krew, aspek penciptaan dan rekaan set, pembuatan atau pembelian prop/ kostum tradisional, dll.) • Sewa ruang/ tempat • Kos untuk bahan (berkaitan dengan penciptaan karya dan/ atau pelaksanaan program/ projek/ persembahan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan modal (seperti renovasi/ kos pengubahsuaian dan pembaikan bangunan, pejabat, studio dll.) • Pembelian peralatan (iaitu komputer riba, pencetak, alat muzik, mesin dll.) • Lesen dan permit untuk penganjuran acara (<i>events</i>) • Kos katering (makanan dan minuman)
Mobiliti dan Kembara	
<ul style="list-style-type: none"> • Tiket penerbangan pergi/balik • Kos perjalanan pergi dan balik ke dan dari lapangan terbang • Perbelanjaan perjalanan dengan kereta api, bas, atau kereta³ untuk raptai dan tempat acara sahaja • Kos pengangkutan kargo untuk penjelajahan (iaitu peralatan, instrumen dll.) • Penginapan (hanya untuk peserta perjalanan sahaja) • Logistik instrumen (penghantaran domestik dan antarabangsa) 	<ul style="list-style-type: none"> • Yuran Visa dan Pasport • Sokongan perubatan, insurans perjalanan, vaksin • Cukai kastam untuk penghantaran antarabangsa • Kos katering (makanan dan minuman)

³ Jarak tempuh boleh dituntut pada harga RM0.80 per kilometer dari tempat tinggal anda ke destinasi.

TERMA RUJUKAN

Nota Tambahan untuk Mobiliti dan Kembara

Bagi platform atas jemputan, anda mesti memenuhi perkara berikut:

- Terima jemputan yang telah disahkan daripada rakan antarabangsa/ tempatan, pengusaha tempat, penerbit atau pengarah festival.
- Menerima ganjaran yang sesuai (iaitu honorarium atau bayaran profesional) untuk persembahan dan dihoskan serta disediakan penginapan antara lain.

Bagi projek usaha sendiri, anda mesti memenuhi perkara berikut:

- Sediakan salinan resit tempahan tempat atau surat pengesahan dari tempat masing-masing di mana persembahan/ karya/ program anda akan diadakan.
- Semua permit dan lesen / visa yang berkaitan adalah telah dipohon dan diluluskan.

Bagaimanakah jika anda tidak dapat memperolehi surat pengesahan daripada penganjur semasa proses permohonan?

Sekiranya anda masih lagi menunggu pengesahan daripada rakan/kolaborator, anda dinasihati untuk menghantar seberapa banyak maklumat dan nyatakan dengan jelas sebarang maklumat yang masih lagi dalam proses pengesahan. Maklumat tertunggak harus diserahkan kepada CENDANA setelah tersedia dan sesuai dengan garis masa pelaporan.

Pemasaran dan Promosi

- | | |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Kegiatan pemasaran/ promosi (seperti bayaran iklan, bayaran pereka, media sosial / iklan digital, percetakan bahan pemasaran dll.) • Kos penterjemahan/ transkripsi dan <i>proofreading</i> (Bahasa: Inggeris, Bahasa Malaysia, Cina dan Tamil sahaja) | <ul style="list-style-type: none"> • Yuran pengoptimuman enjin carian (<i>Search Engine Optimisation fees</i>) • Perisian computer (<i>Microsoft Office, Adobe Creative Cloud cth. Photoshop, Illustrator, InDesign, Dreamweaver</i>) • Yuran simpanan <i>cloud</i> (cth. iCloud, Dropbox) • Sebarang jenis peranti simpanan (i.e. USB flash drive) • Bayaran get laluan <i>e-commerce</i> |
|---|---|

Yuran Penyertaan

- | | |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran pendaftaran untuk mengambil bahagian dalam program yang dikenal pasti untuk mendorong penyertaan dalam pelbagai peluang pembangunan. | <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran kursus akademik seperti diploma dan ijazah serta lain-lain. |
|--|---|

Nota: Sila memberikan perincian bayaran program semasa proses permohonan.

TERMA RUJUKAN

Nota tentang garis panduan transaksi pembayaran

Sila ambil maklum bahawa penerima pembiayaan yang telah berjaya, tidak boleh terlibat dengan sebarang transaksi pembayaran dengan pihak berkaitan kerana ia akan dianggap tidak boleh dituntut. Untuk tujuan peruntukan ini, pernyataan “pihak berkaitan” bermaksud tidak terhad kepada syarikat/ organisasi milik penuh dan/ berkaitan dengan penerima pembiayaan.

Bagaimanakah permohonan anda dinilai untuk Program Pembiayaan Ketahanan Organisasi Seni CENDANA?

<p>Kertas cadangan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kekuatan program dan hasil yang dicadangkan untuk tempoh pendanaan, dalam mencapai visi organisasi anda. • Keupayaan yang ditunjukkan untuk merealisasikan idea/ program/ penyampaian perkhidmatan berdasarkan rekod prestasi. • Anggaran yang munasabah, yang menunjukkan bahawa organisasi anda telah mengkaji trend operasi tahunan kebelakangannya, dan mempunyai pemahaman yang realistik mengenai keperluan dan batasan operasi pada masa akan datang serta pemahaman tentang potensi pendapatannya. 	<p>Hubungan di antara pihak berkepentingan dan orang ramai</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berpotensi untuk mewujudkan akses yang lebih meluas terhadap seni. • Menjangkau demografik yang berbeza (iaitu komuniti yang tidak mendapat perhatian sewajarnya, remaja yang berisiko, warga emas dll.) • Mencipta peluang dalam industri melalui akses ke rangkaian dan perkongsian tempatan / serantau / antarabangsa.
<p>Pembangunan Industri Seni</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menunjukkan peranan kepimpinan dalam industri (iaitu menetapkan standard profesional dan amalan terbaik yang menyumbang kepada sektor ini) • Memupuk bakat tempatan dan membentuk generasi profesional seni dan budaya yang seterusnya. • Proaktif dalam menangani jurang dan mewujudkan peluang dalam industri. 	<p>Kebertanggungjawapan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan sumber kewangan yang baik (ini termasuk penyimpanan rekod yang betul sesuai dengan piawaian perakaunan dan proses kewangan yang baik). • Amalan tadbir urus korporat yang kuat (jika ada, perlu ada penglibatan aktif dari anggota Lembaga untuk memastikan proses semak dan imbang yang berkesan).

Apakah dokumen yang perlu disertakan dengan permohonan anda?

- Permohonan dan kertas cadangan yang dikemukakan (*termasuk perincian pelan, senarai program, profil organisasi, sejarah projek yang telah pernah dianjurkan, artikel/ulasan jika ada dan lain-lain maklumat sokongan yang berkaitan*);

TERMA RUJUKAN

- Kos anggaran belanjawan (*templat disediakan dalam borang permohonan*);
- Pelan Pelaksanaan Program/ Projek (*templat disediakan dalam borang permohonan*);
- Laporan akaun yang telah diaudit oleh juruaudit untuk dua (2) tahun terakhir;
- Akaun pengurusan untuk tahun semasa (*Management Accounts*) cth. lembaran imbalan, penyata untung rugi dan sebagainya ;
- Perakuan CTOS⁴ (*templat disediakan dalam borang permohonan*) – untuk jenis permohonan organisasi berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) melalui Pendaftar Perniagaan (ROB) atau Pendaftar Syarikat (ROC);
- Salinan Kad Pengenalan MyKad* - salinan jelas kedua-dua imej depan dan belakang pada halaman A4 yang sama sisi; (*pemohon utama dan pengarah/pemegang syer/pemilik organisasi); dan
- Salinan borang pendaftaran syarikat - Borang 9 (Borang SSM), Borang 24 atau 49, surat kebenaran, senarai ahli jawatankuasa (jika berkenaan).

Nota Berkaitan Garis Panduan Program Pembiayaan Ketahanan Organisasi Seni


Disamping mempromosikan dan membangunkan seni untuk masa depan Malaysia, sebagai agensi yang mengagihkan dana awam sejajar dengan dasar Kerajaan, CENDANA harus mengutamakan cadangan yang tidak:

- Menghina atau merendahkan seseorang, kumpulan atau kelas individu berdasarkan bangsa atau agama, atau dilaksanakan untuk mewujudkan konflik atau salah faham dalam masyarakat berbagai budaya dan agama;
- Mengganggu keamanan atau kestabilan negara.

⁴ CTOS adalah Agensi Pelaporan Kredit (CRA) terkemuka di Malaysia di bawah bidang kuasa Pejabat Pendaftar Agensi Pelaporan Kredit, Kementerian Kewangan dan dikawal selia di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010.

TERMA RUJUKAN

Apakah yang akan berlaku selepas anda menghantar permohonan?



Apakah yang berlaku selepas permohonan dinilai?

Permohonan yang berjaya

Pemohon yang berjaya akan menerima emel makluman rasmi dengan Surat Tawaran yang menyatakan:

- Jumlah dan tujuan Program Pembiayaan Ketahanan Organisasi Seni CENDANA yang telah diluluskan;
- Terma dan Syarat Program Pembiayaan Ketahanan Organisasi Seni;
- Matlamat pencapaian dan hasil yang perlu diserahkan.

Tawaran Program Pembiayaan Ketahanan Organisasi Seni CENDANA akan sah selama tiga puluh (30) hari dari tarikh emel makluman yang dihantar. Jika anda tidak menerima tawaran dalam tempoh tersebut, tawaran tersebut akan luput.

TERMA RUJUKAN

Permohonan yang tidak berjaya

Pemohon yang tidak berjaya akan dimaklumkan melalui emel rasmi dalam tempoh pemberitahuan yang sama.

Rayuan

CENDANA tidak akan menerima sebarang rayuan. Semua keputusan adalah muktamad.

Bagaimanakah anda akan menerima pembiayaan?

- Anda akan dikehendaki menghadiri mesyuarat bersama pihak CENDANA secara fizikal atau virtual (bergantung kepada lokasi kediaman anda).
- Pendanaan yang diluluskan akan diansurkan dalam empat (4) peringkat dalam tempoh dua belas (12) bulan, tertakluk kepada proses pemantauan dan keperluan pelaporan semasa tempoh pendanaan, dan akan dikreditkan ke akaun bank organisasi anda.

Struktur pendanaan Program Pembiayaan Ketahanan Organisasi Seni akan ditentukan seperti berikut:

PERINGKAT 1: Selepas Menandatangani Perjanjian	PERINGKAT 2: Pelaporan Kemajuan Pertama	PERINGKAT 3: Pelaporan Kemajuan Kedua	PERINGKAT 4: Laporan Kajian Projek dan Laporan Penilaian Ekonomi
Pembayaran pertama untuk memulakan program (20% daripada jumlah yang diluluskan) selepas Perjanjian ditandatangani oleh kedua-dua pihak dalam masa dua puluh satu (21) hari bekerja.	Pembayaran berikutnya secara berperingkat (30% daripada jumlah yang diluluskan) pada setiap suku tahun dalam masa dua puluh satu (21) hari bekerja selepas penyerahan dokumen seperti di bawah yang memenuhi semua syarat pelaporan* CENDANA: <ul style="list-style-type: none"> • Laporan Kemajuan Berperingkat (<i>Progressive Milestone Report</i>); 	Pembayaran berikutnya secara berperingkat (30% daripada jumlah yang diluluskan) pada setiap suku tahun dalam masa dua puluh satu (21) hari bekerja selepas penyerahan dokumen seperti di bawah yang memenuhi semua syarat pelaporan* CENDANA: <ul style="list-style-type: none"> • Laporan Kemajuan Berperingkat (<i>Progressive Milestone Report</i>); 	Pembayaran akhir (baki 20% daripada jumlah yang diluluskan) dalam tempoh dua puluh satu (21) hari bekerja setelah selepas penyerahan dokumen seperti di bawah yang memenuhi semua syarat pelaporan* CENDANA: <ul style="list-style-type: none"> • Laporan Kajian Projek (<i>Final Report</i>); • Laporan Penilaian Ekonomi (<i>Monitoring Survey</i>) CENDANA; • Akaun Pengurusan (<i>Management Accounts</i>) untuk tempoh 12 bulan;



TERMA RUJUKAN

	<ul style="list-style-type: none">Dokumen sokongan untuk menyokong tuntutan pembayaran tersebut (cth. resit, baucar pembayaran, invois dan sebagainya)	<ul style="list-style-type: none">Dokumen sokongan untuk menyokong tuntutan pembayaran tersebut (cth. resit, baucar pembayaran, invois dan sebagainya)	<ul style="list-style-type: none">Penyata akaun akhir (bukti perbelanjaan seperti resit, baucar pembayaran, invois dll.);Bahan tambahan (foto, video, cagaran dibuat jika berkenaan).
--	--	--	--

*Pelaporan data dan hasil memberikan CENDANA maklumat berharga untuk memantau prestasi dan aktiviti setiap organisasi, dan memastikan kebertanggungjawapan terhadap dana awam. Ini juga membantu dalam proses penyelidikan dan komunikasi oleh CENDANA dalam membentangkan impak program ini terhadap organisasi-organisasi seni yang berjaya.

Proses Penyaluran Dana



Apakah yang diharapkan daripada pemohon yang berjaya?

- Menyampaikan projek seperti yang dikemukakan dalam kertas cadangan yang diluluskan;
- Sentiasa berhubung dengan CENDANA untuk mengemaskini kemajuan projek atau sekiranya terdapat perubahan dalam skop kerja yang dicadangkan;
- Untuk meletakkan jenama CENDANA ke semua platform komunikasi seperti logo⁵ CENDANA ke semua platform publisiti dan pemasaran dalam semua projek yang disokong;

⁵ Butiran dinyatakan dalam perjanjian.

TERMA RUJUKAN

- Untuk memastikan semua baucar pembayaran, invois dan resit untuk perbelanjaan projek disimpan sebagai bukti bayaran yang perlu diserahkan kepada CENDANA. Kegagalan untuk menyediakan dokumen sokongan yang diperlukan boleh menjejaskan jumlah pemberian dana.
- Untuk membangunkan kapasiti organisasi anda, pengurusan organisasi mungkin dikehendaki menyertai Program Mentorship CENDANA. Kos penyertaan dalam program ini akan ditanggung sepenuhnya oleh CENDANA.

Siapakah yang anda boleh hubungi jika ada soalan?

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan, atau ingin membincangkan permohonan anda secara terperinci, sila emel grants@cendana.com.my

Nota Tambahan

CENDANA berhak membatalkan sebarang permohonan yang telah diluluskan sekiranya terdapat:

- Perubahan skop projek tanpa memberitahu dan mendapatkan kelulusan dari CENDANA;
- Merendahkan atau merosakkan reputasi CENDANA secara langsung atau tidak langsung;
- Tidak dapat menyelesaikan projek yang dicadangkan sepertimana yang diluluskan dalam permohonan tanpa justifikasi yang sah;
- Melanggar terma dan syarat yang dinyatakan dan dipersetujui dalam perjanjian Program Pembiayaan.

Walaupun bagaimanapun, jika anda tidak melaksanakan projek cadangan anda, tidak menunjukkan prestasi dalam memenuhi sasaran yang dipersetujui bersama, atau membelanjakan dana lebih rendah daripada apa yang pada asalnya dianggarkan, CENDANA berhak untuk mengkaji semula pembiayaan yang telah diluluskan, dan boleh juga menghentikan pembiayaan sama sekali.

TENTANG CENDANA

CENDANA (Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya) adalah sebuah agensi kerajaan yang dilancarkan secara rasmi pada 6 September 2017 untuk membentuk ekonomi seni budaya yang megah, mampan dan bercita-cita tinggi untuk Malaysia, seterusnya meningkatkan profil seni dan budaya Malaysia untuk membantu membentuk identiti Malaysia sebagai destinasi seni dan meletakkan Malaysia secara strategik di pentas global. Ia disokong oleh Kerajaan Malaysia melalui MyCreative Ventures Sdn Bhd (sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan) dan melaporkan kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cendana.com.my

PENGHARGAAN

- Majlis Seni Negara Singapura (National Arts Council Singapore)